



# REKA PENERBITAN

---

## BULETIN / MAJALAH (ADOBE INDESIGN)

Pengajaran 'praktikal' pengendalian Adobe Indesign bagi kerja-kerja rekabentuk penerbitan buletin atau majalah termasuk topik prinsip asas reka grafik layout, istilah lazim dalam buletin / majalah serta teknik menggunakan Indesign.

**Pengajar:** Imran Abdul Jabar  
**Web:** [www.sifoo.com](http://www.sifoo.com)  
**Emel:** [imran@sifoo.com](mailto:imran@sifoo.com)  
**Telefon:** 019-262 5156  
**Fb:** [imranabduljabar / imran.sifoo](#)  
**Instagram:** [imranabduljabar](#)



# Kandungan Modul

Kandungan Modul	A	
Hakcipta Modul Latihan	B	
Garis Panduan Kursus	C	
Jadual Tentatif Kursus	D	
Kursus Lain Yang Ditawarkan	F	
Profil Ringkas Tenaga Pengajar	G	
Proses Rekabentuk Buletin / Majalah	I	Latihan Layout Muka Hadapan 40
Istilah Lazim	2	Latihan Layout: Contoh I 43
Pilihan Perisian	6	Latihan Layout: Contoh I 47
Konsep dan Stail	7	Latihan Layout: Contoh 2 48
Contoh & Inspirasi	8	Master Page 50
Mulakan Dengan Sketch	11	Page Number 52
Pengendalian Asas Adobe Indesign	12	Paragraph Style: GREP Style 55
'Bleed' Dalam Percetakan	14	Object Style 57
Penentuan Jumlah Halaman	15	Mencetak Buletin / Majalah 58
Susun Layout: Grid System	16	Mencetak Dokumen 59
Susun Layout: Set Guides	19	PDF atau E-Book 60
Susun Layout: Placeholder Frame	23	
Memasukkan Teks	24	
Place: Word Options	25	
Text Frame	26	
Text dan Text Frame	27	
Warna: Text dan Text Frame	28	
Warna: Swatches	29	
Text dan Effects	30	
Memasukkan Object	31	
Tips: Place Multiple Images in Grids	33	
Object Fitting	34	
Transform	35	
Kombinasi Teks & Imej: Text Wrap	37	
Object: Corner Options	38	
Object & Effects	39	

# Hakcipta Modul Latihan

Modul latihan ini telah disediakan oleh:

**Imran Abdul Jabar**

Pengasas **Sifoo.com**

Email: [imran@sifoo.com](mailto:imran@sifoo.com)

Telefon: 019 – 262 5156

Web: <http://imranabduljabar.com>

Fb: <http://facebook.com/imranabduljabar>

Fb page: <http://facebook.com/imran.sifoo>

Insta: [@imranabduljabar](https://www.instagram.com/imranabduljabar)

Hakcipta modul ini adalah milik sepenuhnya penama yang tersebut di atas. Sebarang salinan semula, pengedaran serta pengubah-suaian struktur dan isi kandungan modul ini tanpa maklumat dan kebenaran adalah sangat dilarang.

**Sifoo Art And Multimedia Sdn Bhd** mempunyai hak serta mendapat keizinan secara langsung daripada pemegang hak modul ini untuk membuat salinan semula serta pengedaran di dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh **Sifoo Art And Multimedia Sdn Bhd**.

**Sifoo Art And Multimedia Sdn Bhd (I182304-V)**

No. 5-2, Jalan Tasik Utama 6,  
Medan Niaga Tasik Damai, Lake Fields,  
57000 Kuala Lumpur.  
03-9055 4002 | [contact@sifoo.com](mailto:contact@sifoo.com)

*Follow Us!*

**Sifoo.com ~**

Sumber Grafik & Multimedia Malaysia

-  <http://www.sifoo.com>
-  <http://facebook.com/sifoodotcom>
-  <http://facebook.com/groups/sifoorian>
-  <http://instagram.com/sifoodotcom>
-  <http://twitter.com/sifoodotcom>

# Garis Panduan Kursus

## Objektif Kursus:

Di akhir kursus ini, peserta akan mampu:

- memahami istilah-istilah teknikal dalam penerbitan buletin atau majalah.
- memahami prinsip asas untuk kerja reka grafik layout.
- memahami keperluan teknikal dan keperluan kreatif dalam menghasilkan buletin atau majalah yang baik.
- menggunakan Adobe Indesign dengan berkesan untuk menghasilkan satu penerbitan yang lengkap, termasuk persediaan fail untuk cetakan.

## Metodologi Pengajaran:

- Nota / Rujukan di Internet
- Demonstrasi
- Latihan *hands-on*

## Panduan Untuk Peserta:

Bagi melancarkan proses pembelajaran di dalam sesi latihan, dicadangkan supaya:

- Hadir ke bilik latihan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- Setiap peserta memberi sepenuh perhatian apabila pengajar sedang membuat demonstrasi di hadapan. Pengajar akan memberi masa kepada peserta untuk membuat sendiri kemudian.
- Memaklumkan atau bertanya terus kepada pengajar sekiranya terdapat kemusykilan tentang topik yang sedang dibincangkan. Jika pengajar terlalu laju, sila maklumkan segera.
- Peserta belajar secara santai agar sesi kursus menjadi lebih selesa.

# Jadual Tentatif Kursus

## Hari Pertama:

09.00 - 10.30:

- » Proses rekabentuk buletin / majalah.
- » Istilah-istilah lazim
- » Pilihan perisian yang sesuai
- » Kenapa Adobe Indesign?
- » Konsep dan stail buletin / majalah
- » Contoh dan inspirasi

10.30 - 11.00:

- » Rehat - Minum Pagi

11.00 - 01.00:

- » Pengendalian asas Adobe Indesign
- » Teks: Formatting dan Effects
- » Character setting
- » Rekaan masthead buletin / majalah

01.00 - 02.30:

- » Rehat - Makan Tengahari

02.30 - 04.30:

- » Memasukkan imej
- » Imej: Formatting dan Effects
- » Rekaan muka hadapan buletin / majalah

04.30-05.00:

- » Rehat - Minum Petang

## Hari Kedua:

09.00 - 10.30:

- » Setting untuk multi-page / booklet
- » Master page
- » Guide lines, margins, columns
- » GRID system
- » Running header, footer, title, page number
- » Penetapan warna tema

10.30 - 11.00:

- » Rehat - Minum Pagi

11.00 - 01.00:

- » Memasukkan kandungan ke dalam halaman
- » Formatting menggunakan paragraph style
- » Latihan paragraph style

01.00 - 02.30:

- » Rehat - Makan Tengahari

02.30 - 04.30:

- » Contoh layout dalaman
- » Latihan layout dalaman.

04.30-05.00:

- » Rehat - Minum Petang

# Jadual Tentatif Kursus

## **Hari Ketiga:**

09.00 - 10.30:

- » Menggunakan object style untuk imej
- » Style untuk image caption
- » Table of contents (TOC)
- » Style untuk TOC Persiapan untuk cetakan

10.30 - 11.00:

- » Rehat - Minum Pagi

11.00 - 01.00:

- » Indesign package
- » PDF untuk cetakan
- » PDF untuk online
- » Print booklet

01.00 - 02.30:

- » Rehat - Makan Tengahari

02.30 - 04.30:

- » Cetakan hasil kerja kursus
- » Persembahan dan diskusi
- » Tips tambahan

04.30-05.00:

- » Penutup / Bersurai

## Kursus Lain Yang Ditawarkan

Sifoo.com melalui syarikat "Sifoo Training Solutions" yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, secara berterusan akan menyusun jadual-jadual kursus untuk ditawarkan kepada umum dan juga penjawat awam. Kursus-kursus adalah sesuai untuk semua dan dikendalikan oleh pengajar yang berpengalaman di dalam industri dan juga bidang latihan.

Kami mengamalkan pengajaran yang bermanfaat untuk kegunaan kerja bukan sekadar pembelajaran "terlalu asas mengikut buku/teori". Kami memahami bahawa peserta yang menghadiri kursus mempunyai matlamat yang jelas agar dapat mempraktikkan apa yang dipelajari di dalam kursus.

Tajuk-tajuk kursus yang boleh disediakan:

### Perisian/Software:

- Adobe Photoshop
- Adobe Lightroom
- Adobe Illustrator
- Adobe InDesign
- Adobe InCopy
- Adobe After Effects
- Adobe Premiere
- Adobe Flash
- Final Cut Pro

### Reka Grafik & Penerbitan:

- Reka Grafik Promosi
- Foto/Grafik: Manipulasi Imej
- Reka Penerbitan / Cetakan
- Reka Penerbitan Buletin
- Reka Penerbitan Digital (EPUB)

### Reka Multimedia & Web:

- WordPress
- Joomla
- Cascading Style Sheet (CSS3)
- HTML5 + CSS + JQuery
- PHP & MySQL
- PHP Security
- Reka Theme
- Powerpoint Video

### Fotografi & Videografi Digital:

- Asas Kamera DSLR
- Asas Kamera Video
- Fotografi Korporat
- Fotografi Produk
- Fotografi Studio
- Suntingan Foto
- Photography (Phone-graphy)

### Tajuk Reka/IT Lain:

- Microsoft Office 2013
- Prezi
- Mobile App Android
- Sony Vegas Pro
- Mindjet MindManager
- Lukisan Digital (Wacom)

### Soft-Skill:

- Kerjaya Pereka & Jurufoto
- Pengurusan Idea
- Pengurusan Pekerja Kreatif
- Jenama & Identiti

Sifoo Training Solutions juga menerima undangan untuk mengendalikan kursus in-house untuk organisasi kerajaan, swasta atau berkumpulan.

Sebarang pertanyaan / permintaan tentang kursus yang ditawarkan oleh Sifoo.com (Sifoo Training Solutions) bolehlah hubungi:

- Pn. Ajie @ Fadzillah Yaacob (012-686 7085)
- En. Burn @ Abu Bakar Mohd Tajudin (016-212 9976)
- Pejabat Urusan (03-9055 4002)

## Profil Ringkas Tenaga Pengajar



**Imran Abdul Jabar**, pengasas laman web **Sifoo.com** yang telah bertapak di persada internet Malaysia sejak tahun 2000 lagi. Pada Ogos 1998, beliau mendapat ijazah dalam jurusan Kejuruteraan Mekanikal dari Virginia Tech, Amerika Syarikat. Kerjaya beliau bermula pada November 1998 di sebuah syarikat pembangunan produk multimedia di Technology Park Malaysia sebagai seorang pereka grafik. Biar pun memegang ijazah di dalam bidang yang berbeza, beliau tidak lagi menoleh ke belakang dan terus berada di dalam industri kreatif sehingga kini.

Berkerja di beberapa syarikat multimedia, beliau memfokuskan kemahirannya di dalam bidang reka bentuk laman web, pembangunan e-learning dan multimedia. Pada tahun 2005, beliau membuat keputusan untuk tidak lagi berkerja sepenuh masa dengan mana-mana syarikat dan ingin meneruskan kerjaya sendiri di dalam bidang latihan.

Bidang latihan telah menjadi minat beliau sejak dari awal kerjaya lagi. Minat ini terbit setelah beliau memulakan inisiatif perkongsian ilmu di dalam laman web **Sifoo.com**. Beliau telah mula mengendalikan kursus-kursus pendek sejak dari tahun 2001 lagi dan sehingga kini, beliau telah mengendalikan banyak kursus di pelbagai organisasi, kumpulan dan jabatan kerajaan. Pengalaman di dalam industri dan pengalaman mengajar yang luas ini membolehkan perkongsian bersama peserta di dalam bilik latihan lebih bermanfaat.

Selain daripada mengajar, beliau juga aktif menulis. Dalam tahun 2010, beliau telah berjaya menerbitkan dua e-book yang bertajuk Kompilasi Teknik Suntingan Foto Terbaik Vol 1 dan Vol 2. E-book ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan, terutamanya di kalangan penggemar fotografi. Dalam tahun 2012, sebuah penerbit buku, PTS, telah mengambil e-book yang pertama untuk diterbitkan. Buku tersebut boleh didapati di pasaran dengan tajuk Teknik Suntingan Foto Terbaik.

Nama Penuh : Imran Abdul Jabar

Tarikh Lahir : 20 September 1976

Penghususan : Training, Graphic Art & Design,  
Photography

Tajuk yang diajar oleh beliau:

- Reka grafik menggunakan produk Adobe
- Web menggunakan Wordpress
- Fotografi
- Talk / Seminar berkaitan seni grafik / visual / lukisan doodle

# Proses Rekabentuk Buletin / Majalah



Sama seperti kerja rekabentuk yang lain, rekabentuk buletin atau majalah juga mesti melalui proses kreatif seperti berikut:

1. Pengumpulan maklumat
2. Kaji selidik
3. Pembangunan konsep
4. Rekabentuk
5. Revisi / Penambahbaikan
6. Produksi

Antara perkara yang harus diambil kira semasa proses perancangan dan rekabentuk sesebuah buletin atau majalah ialah:

- Nama / Jenama / Rekata Masthead
- Tema warna utama
- Font utama - tajuk, body, header & footer.
- Stail grafik - clean, fun, feminin/maskulin...
- Stail imej / foto
- Susunan dan stail layout
- Pembahagian topik dan seksyen

# Istilah Lazim

## Kulit Hadapan (Front Cover)

- 1 Masthead**  
Tajuk majalah umpama logo / identiti / jenama.
- 2 No. Isu**  
Nombor edisi / isu terbitan mengikut format.
- 3 Selling Line**  
Ayat promosi yang menarik perhatian pembeli.
- 4 Full Bleed Image**  
Imej utama yang besar dan penuh saiz kulit hadapan.
- 5 Main Cover Line**  
Tajuk / tema utama - terkait dengan imej utama.
- 6 Cover Lines**  
Tajuk-tajuk lain yang menjadi highlights.
- 7 Barcode**  
Untuk majalah komersil (jualan).



# Istilah Lazim

## Halaman dalam

running head      credits      headline      intro/kicker      image caption

**RUNNING HEAD**

# Elements of a page

TEXT Nikola Mileta PHOTO Screenshot

**Ollaut il inctaqui blabo. Nam et rescillatur, consequi odisto dunt od que eum, volores totasitaque pa de omnia dolo et et lates int la commis endit, sint dollendest quae omnis ium undisimus, ommissi omnihi litatis pro officiis rescillabo. Am, quodigent odis eum valoribus.**Nam ut aut eaqui berum



Subhead: aut apolor eicamsi ut incient usaepe rnatallhar as dolerum, tentia

**A**ceria eate nobit idunt lia dent occuscendam iur mi, ipsa quo im quantitatem nectotaria illoressi consecet asitam, aut quantum doloreste antimistis ut am et occullesci quo magnatis unt quatque si doluptis masimagram dis pero cossineraquo tem. As apis quam aut aspeliguier, officii omano expetro nocetis ut remposat volent deti quam villoreic tem sit quodita sitioneense velectrotas ditatus cimiao. Inras sus, enihit arum sequi natum qui tem. Nam, ommit aliquas maionecatum sandunitor molupti ossitiosit veni velendias nerpensae sincia corumet volorepedi cus dolam as de num et dis et versperamet endis modit asiment otatenti spaccate moquideb itibus, que necuptas saeperrnat. Et eae quodis et moluptatur? Quilate anade ni ramet estium doluptatist velibea nulloruptas unt, ut rerum faceptusdam quis int in ea cusapel

**Subhead**  
officia eum qui sim raepern atatur, occatas tempu dolupti benos audipis quantia estotatem ipicetur epellatitatis imo novsi bla volupti omnia consoceseque volest vellestrum fuga. Et ostem qui nraipi quam ationocem sit fugitiss eos voloriae cestrume periberio. Immoditi usantioritat voluptizam et labores ecabo. Innum ex et et quodi temporeptur, illabor

**Subhead**  
Ut a commisinto et maxinet re co- nredi tiusande pra quam sa dolorem facebor si qui sedi berepreem que imperspel maionibus, is cupuatur acous explaut erecisi de que doloriti di vollendicim acuum qui solosedit, ut fuga. Ficendaeae voleis natuque velit ipis dolenis abes. Nam doluptatur adicatum fugiae nunoquatur, tem quassit fuga. Nam dolupta nis exeratur aci dus nesentis sindicidil mos voluptesque. Ga. Moluptis vel- lorio. On pliquit liborpo remam, es int. Dam aut is et autatibus, culpa dis sin commiss undiamo tanqui occ- istem doloria cupuatur. Tatemorem

**Subhead**  
Bitis molliscidunt, cus excaequ ationum sent et et mod quatiss est, si cum utatem faccaec erpic te cus ut voloreperi dipnam quassum, et quiaerr correndamum dolupture, alitistrum sincil modit omniaent. Et fuga. Oprur? Illatus et ex et lant veliatatur aliqui sim ipsunt et imodit quia dolor at eosi, tem endebit magnaatur sequiam ara elianus, que Cus aut alictin et quis ad ulparum doloresit quiam verfenbus simuat po dolor adigenimet quo to inulparios et, atiaeciat. Aquo blam vis, offic tetrum eseriere volorro ende peditia nonsequibus di commis nossequis essit del ipis enis usam et molor repe sit, tem acia peliti elezemporo in re provit estionem is am, nescipunt labor sepiquas dus, ut omni cus entibus, tem que vel susa sit asimoluptio.

**Subhead**  
Special feature element using relevant, edit data from the editor

24 / Magazine Design

**folio**      **pull quote**      **body copy**      **subheads**      **byline**

# Istilah Lazim

## Halaman dalaman

JFeat\_GOV\_01\_07-xtras 12/4/07 12:40 PM Page 22

**Headline**  
Depending on the article (feature, column or brief) and the magazine's style, "heds" can be tightly proscribed or open in format

**Art**  
It doesn't matter if it's a photo, graphic or an illustration. To a magazine designer it's all "art." This feature is organized around a single large photograph—an easy to parse, reader-friendly design strategy. Every extra element you throw into a layout has the potential of adding clutter and confusion unless carefully structured.

**Deck**  
Not all articles have a deck but most features do. When used, they usually are longer and provide more specific information than the hed.

**Byline**  
It can be here or at the end, but don't forget it. "By" is capitalized here, **L.C.** at the end.

**Lead**  
Articles generally start with a "lead," written and designed to engage the reader. After the lead comes the "nut graf," journo-speak for "thesis statement." Leads may be bigger and splashier than the **body** of the article. It pays to design your page with the content and pacing of the article in mind.

# Blue Challenge

Democrats hold power now in places where they have been on the outside a long time. The question is what they will do with it.


By Josh Goodman

John Shea, of Nelson, New Hampshire, For many years, he has wanted a seat on the council, the five-member body that has veto appointments. He ran in 1998 and lost, 2004—and lost both times. In 2006, was something of a fatalist about his chances. Not only did he refuse to accept campaign donations, or spend much time appealing to voters, he left on Election Day for a vacation in Europe. "I had a ticket that I had to use by the end of November," Shea said. When he arrived at his hotel in Belgium, there was a surprise message waiting for him: He'd won.

22 JANUARY 2007 GOVERNING

# Istilah Lazim

## Halaman dalaman



## Pilihan Perisian

### Perisian yang sesuai untuk kerja penerbitan

Perisian yang sesuai untuk kerja penerbitan dipanggil Desktop Publishing Tools. Antara perisian yang sering digunakan ialah:

- Microsoft Publisher
- Adobe Indesign
- QuarkXPress
- Serif PagePlus
- Scribus
- Xara Page & Layout Designer

Perisian lain seperti Word atau Powerpoint tidak sesuai kerana tidak support untuk proses cetakan seperti pemprosesan mode warna.

### Kenapa Adobe Indesign?


Kebanyakan pereka menggunakan produk Adobe untuk kerja grafik mereka seperti Adobe Photoshop dan Adobe Illustrator. Jadi, pemilihan untuk menggunakan Adobe Indesign adalah lebih dekat untuk memudahkan integrasi kerja.

Proses melakukan link imej dan copy-paste menjadi lebih mudah tanpa berlaku kesilapan atau ralat.

Integrasi kesemua perisian Adobe melalui Adobe Bridge lebih memudahkan.

### Indesign dan Incopy

Integrasi terbaik untuk kerja penerbitan ialah di antara indesign dan incopy. Incopy untuk kerja editor dan Indesign untuk kerja rekaan.



## Konsep dan Stail

Konsep dan stail sesebuah layout untuk majalah atau buletin bergantung kepada faktor-faktor berikut:

### Sasaran pembaca

Kenali jenis pembaca yang disasarkan. Bukan sahaja dari segi umur, minat dan kesukaan, jenis golongan mereka berkawan, julat pendapatan bulanan, aktiviti harian, gaya bahasa dan percakapan, trend dan stail iktuan mereka. Pendek kata, kenali sasaran pembaca anda luar dan dalam.

### Kualiti dan susun atur struktur isi kandungan


Semua orang tahu bahawa kandungan yang kemas dan ringkas lebih mendapat perhatian generasi muda yang banyak menghabiskan masa dengan smartphones mereka. Sebuah majalah mempersembahkan informasi yang ditapis dan disusun khas untuk golongan pembacanya; kandungan yang akan dinikmati oleh mereka. Biasanya isu majalah telah dirancang terus untuk terbitan 12 bulan, dan diteliti dari semasa ke semasa sepanjang tahun.

### Bukan sekadar majalah

Penerbitan majalah bukan sekadar penulisan artikel dan persembahan imej, ianya adalah pembangunan sebuah jenama.


### Jangan lupa kulit hadapan

Konsep dan stail pada kulit hadapan akan menjadi daya penarik dan pelaris kepada sesebuah majalah. Pembeli boleh menjangkakan jenis isi kandungan yang bakal dipersembahkan melalui rekabentuk kulit hadapan. Kalau kulit hadapan buruk dan tidak kemas, isi dalamnya pun akan begitulah...






# Contoh & Inspirasi



# Contoh & Inspirasi




# Mulakan Dengan Sketch



© THE COLLEGE OF WEST ANGLIA 201

# Pengendalian Asas Adobe Indesign



## Kenali Antaramuka Indesign

- 1 Menu
- 2 Control panel
- 3 Workspace switcher
- 4 Tabbed document window
- 5 Tool panel
- 6 Page
- 7 Spread
- 8 Jump page
- 9 Error indicator
- 10 Panel group

# Pengendalian Asas Adobe Indesign

## Mula dengan dokumen baru

New Document

Document Preset: [Custom] ▾

Intent: Print ▾ 1

Number of Pages: 16 2  Facing Pages 3

Start Page No: 1 4  Primary Text Frame 5

Page Size: A4 6

Width: 210 mm 7 Orientation:  Portrait  Landscape 8

Height: 297 mm

Columns

Number: 2 9 Gutter: 5 mm 10



Margins

11 Top: 15 mm Inside: 15 mm

Bottom: 25 mm Outside: 10 mm

Bleed and Slug

	Top	Bottom	Inside	Outside	
12 Bleed:	4 mm	4 mm	4 mm	4 mm	<input checked="" type="checkbox"/>
13 Slug:	0 mm	0 mm	0 mm	0 mm	<input type="checkbox"/>



- 1 Intent: Print / Web / Digital Publishing
- 2 Number of pages: Boleh set jumlah halaman
- 3 Facing pages
- 4 Start page no: Nombor halaman yang pertama
- 5 Primary text frame: Masukkan text frame
- 6 Page size: pilihan saiz kertas
- 7 Width & Height: Taip saiz sendiri
- 8 Orientation: Portrait / Landscape
- 9 Columns: Bilangan column
- 10 Gutter: Jarak antara column
- 11 Margins: Ruang 'safe' dalam kertas.
- 12 Bleed: Ruang lebihan di luar saiz kertas.
- 13 Slug: Ruang lebihan dari saiz bleed.

## 'Bleed' Dalam Percetakan

'Bleed' adalah satu istilah dalam percetakan yang merujuk kepada **cetakan di luar saiz kertas sebelum dipotong (trim)**. Dalam erti kata lain, bleed adalah **ruangan yang bakal dipotong dan dibuang**.


Reka grafik atau warna latarbelakang dalam layout boleh 'terkeluar' daripada saiz kertas sehingga masuk ke ruangan bleed. Selepas ruangan bleed dipotong, rekabentuk layout akan terjamin daripada masalah ruangan tepi kertas tiada cetakan akibat kesilapan potongan.

Adakalanya, sudut kertas semasa memasuki mesin cetakan juga boleh menyebabkan terdapat ruangan tepi kertas yang tidak mendapat cetakan. Jadi, dengan melebihi rekabentuk sehingga ke ruangan bleed boleh mengatasi masalah ini. Biasanya, imej latarbelakang, imej yang betul-betul diletakkan di hujung kertas dan warna latarbelakang (fill) yang akan disetkan sehingga ke bleed.



Istilah '**full bleed**' merujuk kepada cetakan penuh dari hujung kertas ke hujung kertas tanpa ada ruang kosong tanpa cetakan (yang biasanya terdapat pada printer biasa – rumah atau ofis).

## Penentuan Jumlah Halaman



### Berapakah Bilangan Halaman Diperlukan?

Secara mudahnya, untuk cetakan buletin atau majalah jumlah halaman mestilah boleh bahagi dengan empat secara tepat untuk mendapatkan booklet.

#### JUMLAH HALAMAN

4

Lihat contoh di atas. Terdapat 8 jumlah halaman.

» **8 bahagi 4 = 2 (Tepat tanpa baki)**

Bermaksud, 2 helai kertas boleh digunakan untuk mencetak 8 halaman depan-belakang.

Gambarajah di atas menunjukkan:

- Ada empat spreads:
  - » Halaman 1 & 8
  - » Halaman 2 & 7
  - » Halaman 3 & 6
  - » Halaman 4 & 5
- Setiap spread akan dilipat di tengah.

### Pilihan Binding

Terdapat beberapa pilihan binding yang mempengaruhi keseluruhan layout dan rupa booklet anda.

- Saddle stitch
- Coil binding
- Perfect binding

Buletin atau majalah menggunakan binding jenis saddle stitch atau no saddle stitch (seperti suratkhobar - hanya sisipan sahaja).



Saddle stitch

# Susun Layout: Grid System



Layout sesuatu material grafik harus mementingkan keberkesanan penyampaian isi kandungan - teks dan imej. Susunan layout yang baik mampu menggabungkan susunan ruang yang selesa supaya isi kandungan dapat dilihat dan dibaca dengan berkesan.

Steven Stevenson curriculum vitae	
<b>Employment</b>	
June 2007-present FriendMeopard.com Senior Webdesigner including CSS/HTML for a social media site where people discuss their unusual pets. Also coordinates marketing materials.	Address: 23 Warton Road, Newham, London, E15, UK Date of Birth: June 2nd 1980 Marital Status: Single Website: www.stevenson.com Email: steven@misterstevenson.com Phone Number: (UK) 772 555 321
April 2006 - June 2007 Flying Banana Labs Web-designer for a digital agency. Clients included Nike, Burton Snowboards, Just for Laughs Festival.	<b>Education</b>
November 2005- April 2006 Golden Kangaroo Interactive Junior graphic/web designer at a small digital agency. Clients included Aussiehair, Bet 365, and Nivea.	London College of Communication 2000 - 2004 First Class BA (Hons) Graphic Design David Davidson Old Grammar School 1998 - 2000
Steven Stevenson also runs his own freelance business, under MisterStevenson. Through it, he has worked on the following things...	<ul style="list-style-type: none"> <li>GCSE Maths</li> <li>GCSE English</li> <li>GCSE English Lit</li> <li>GCSE Biology</li> <li>GCSE German</li> <li>GCSE Art</li> <li>GCSE D&amp;T</li> <li>GCSE Geography</li> </ul>
Blue Duck Recruit (2009-ongoing) A recruitment company's website. www.blueduckrecruit.com Identity, Business Card Design, UK, Webdesign.	<b>Computer skills</b>
Evildog.com (2008-ongoing) A boxer's personal website (including CMS) www.evildog.com Identity, Business Card Design, Webdesign and HTML/CSS	<b>Software:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Photoshop</li> <li>Illustrator</li> <li>InDesign</li> <li>Flash</li> <li>Flexbuilder</li> <li>Fireworks</li> <li>Code</li> <li>Textmate</li> </ul>
Scarlet Cat Studios (2008) A film company's site, including content management system www.scarletcatstudios.com Identity, Business Card Design, Webdesign.	<b>Languages:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Hand coded CSS/HTML (compatible with IE6, FF, and standards compliant browsers)</li> <li>Basic Actionscript</li> <li>Basic Javascript (using jQuery)</li> <li>Integration of styling into Ruby on Rails, Flex 3 and PHP (WordPress)</li> </ul>
Friendly Parrot Inc (2008) Voice recording software product website www.friendlyparrot.com Identity, Webdesign, CSS/HTML	<b>Interests</b>
Chestnut Cow Ltd (2007) A cheese manufacturer Identity, Business Card Design	Snowboarding, repairing watches, drawing preferences, and anything to do with Japanese cultural
CrazyPencil.com (2006) An educational site for children Identity, Webdesign	
Peach Lerner labs (2006) A biotech company site Webdesign	

## Grid System

Grid System adalah satu teknik yang efektif untuk membuat perancangan reka bentuk layout.

## Keputusan Grid System

Jika penggunaan grid diabaikan, kita tidak akan dapat memaparkan layout yang berulang-ulang secara konsisten. Projek penerbitan kita tidak akan memilih keharmonian visual, dan seperti apa sahaja yang tidak mempunyai perancangan struktur dan asas yang kukuh, konsep yang kita gunakan akan kelihatan tidak konsisten daripada satu produk ke produk yang lain.

Tanpa grid system, elemen grafik menjadi susah untuk diuruskan dan tidak akan berfungsi secara berkesan.

# Susun Layout: Grid System


Terdapat dua jenis layout yang utama:

- vertical, atau
- horizontal.

Kemahiran memilih grid yang terbaik untuk reka bentuk adalah penting untuk memastikan keberkesanan sesebuah reka bentuk.

*“The grid system is an aid, not a guarantee. It permits a number of possible uses and each designer can look for a solution appropriate to his personal style. But one must learn how to use the grid; it is an art that requires practice.”*

Josef Müller-Brockmann



Contoh vertical grid

# Susun Layout: Grid System


1 column landscape grid




2 column landscape grid




3 column landscape grid




3 column landscape grid



4 column landscape grid



4 column landscape grid



Contoh landscape grid

## Susun Layout: Set Guides

Sebelum memulakan sesuatu projek, kita boleh setkan grid dengan menggunakan Margins & Columns dan Guides. Lihat contoh grid di bawah untuk layout **3 column landscape**.

Semua ini boleh didapati dari menu **Layout**.

### Margins & Columns

- Margins & Columns boleh diset dari mula lagi ketika membuat fail baru (File > New).
- Atau, selepas membuat fail baru, kita masih lagi boleh menetapkan Margins dan Columns dari menu Layout.

Untuk contoh layout di atas, setkan:


- Margins: 1 cm (top, bottom, inside, outside).
- Columns: 2, Gutter: 2 cm

### Guides:


- Klik menu Layout > Create Guides.

Untuk contoh layout di bawah, setkan:

- Rows: 6, Gutter: 0.5 cm
- Columns: 3, Gutter: 2 cm
- Fit Guides to Margins



## Susun Layout: Set Guides



Imej di atas adalah contoh layout spread halaman  
bersaiz 7 x 9 inci.

Setting margins & columns serta guides dilakukan di  
dalam **A-Master** dan settingnya adalah seperti berikut:


### Margins & Columns

- Margins: Top & Bottom: 1, Inside: 0.75, Outside: 1.25.
- Columns: 1

### Guides:

- Rows: 6, Gutter: 0.125 in
- Columns: 2, Gutter: 0.125 in
- Fit Guides to Margins

## Susun Layout: Set Guides




### Column Tak Sekata

Untuk menghasilkan column tak sekata:

- Unlock column guides:
  - » Klik menu View (Atau klik kanan) > Grids & Guides > Lock Column Guides.
- Gunakan Selection Tool untuk drag column guide.

## Susun Layout: Set Guides




**Ruler Guide** lebih fleksibel berbanding grid kerana ianya boleh disusun secara bebas di dalam page.

Cara menghasilkan ruler guide ialah dengan mengklik dan drag kursor dari ruler ke dalam dokumen.

Terdapat dua jenis ruler guide:

- **Page guides:** hanya berada di dalam satu page sahaja.
- **Spread guides:** merentasi kesemua page di dalam multi-page spread.

Spread guide boleh dilakukan dengan menekan **Ctrl** sambil drag garisan guide dari ruler.




Merujuk kepada contoh layout buku sebelum ini, kita boleh menambah ruler guide untuk menetapkan garisan untuk:

- **Flowline:** garisan standard yang membantu penglihatan pembaca mendapatkan informasi merentasi halaman.
- **Marker:** kawasan yang diisi dengan maklumat seperti page number, running head dan maklumat yang berulang secara konsisten.

Lihat paparan contoh di atas.

## Susun Layout: Placeholder Frame



**Placeholder** di dalam reka bentuk layout adalah perletakan bentuk-bentuk secara sementara sehingga kandungan sebenar dimasukkan.

Kita boleh menggunakan **Frame Tool - Rectangle, Ellipse atau Polygon** untuk meletakkan placeholder.

Kemudian, kita boleh setkan frame ini untuk content graphic atau text. Klik kanan di atas frame dan pilih Contents > Graphic / Text.

### Graphic Placeholder

Frame yang dijadikan placeholder untuk graphic akan dipaparkan dengan 'pangkah' di dalam frame.

Placeholder ini boleh dimasukkan warna fill untuk membezakan warna.

### Text Placeholder

Selepas content frame placeholder disetkan kepada text, kita boleh mengisi placeholder ini dengan Placeholder Text.

Placeholder Text adalah dummy text supaya kita boleh merancang stail teks, saiz dan kedudukan teks di dalam layout.


### MENGGANTIKAN PLACEHOLDER DENGAN KANDUNGAN SEBENAR

Kandungan sebenar - teks atau grafik boleh digantikan dengan menggunakan fungsi **File > Place**.


# Memasukkan Teks

Teks (Text) di dalam InDesign mesti diletakkan di dalam text frame. Text frame boleh dialihkan, diubah saiz, dan diubah.

Text frame juga boleh disambung kepada text frame lain dengan menggunakan kaedah **threaded**. Text yang bersambung melalui satu atau lebih threaded frame dipanggil **story**. Jika anda place (import) fail teks daripada Word, ianya akan menjadi satu story (single story), tak kira berapa banyak frame yang diisinya.



Klik dan drag untuk membuat text frame yang baru.



Double-click handle untuk mengubah saiz text frame.

## Text Frame

Gunakan Type Tool, drag dan buat text frame atau klik di dalam text frame yang sudah ada. Kemudian, taip.

## Placeholder Text

InDesign mempunyai placeholder text sebagai teks sementara yang boleh digantikan dengan teks sebenar kemudian. Placeholder text dapat memberikan gambaran rekabentuk dokumen anda.

- Buat text frame.
- Klik **Type > Fill With Placeholder Text**.

## Place (Import) Text

Seciranya anda ingin memasukkan teks daripada fail Word atau fail daripada mana-mana word-processing software, anda boleh gunakan fungsi **Place**.


- Buat text frame.
- Masukkan kursor di dalam text frame.
- Klik **File > Place**, dan pilih fail Word yang diinginkan.

## Story Editor


Gunakan story editor untuk menyunting teks tanpa diganggu dengan formatting dan rekaan lain.

- Klik **Edit > Edit in Story Editor (Ctrl + Y)**.

## Place: Word Options



Jika masukkan teks dari fail Word, gunakan Place dan aktifkan **Show Import Options**.




# Text Frame

## Mengubah Text Frame Properties


Sebelum (kiri) dan selepas (kanan) setting inset dan menambah dua column.

Untuk mengubah text frame properties, klik Object > Text Frame Options.



## Threaded Text:

Text boleh berada di dalam text frame secara berasingan atau secara bersambungan di antara frame. Sambungan di antara frame ini dipanggil threading text, atau linking text frames, atau linking text boxes.




- A. Text frame yang pertama.
- B. Icon Out Port menunjukkan sambung ke next frame.
- C. Thread.
- D. Icon In Port menunjukkan sambungan daripada previous frame.
- E. Icon Out Port menunjukkan overset text.

# Text dan Text Frame


## MEMFORMAT TEKS & PERENGGAN

Memformatkan teks yang telah dimasukkan ke dalam frame teks boleh dilakukan dengan membuat selection kepada teks atau perenggan dan kemudiannya menukar setting format di bahagian atas InDesign atau di dalam panel Character atau panel Paragraph.

Imej di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada control panel untuk teks di bahagian atas InDesign.



Berikut pula ada panel Character dan juga panel Paragraph.




## Warna: Text dan Text Frame


Untuk mengubah warna teks atau frame, kita perlu tahu bezakan kedua elemen ini kerana setting warna untuk keduanya perlu dipastikan.

### Setting warna untuk frame (atau objek)

- Select frame teks (atau objek).
- Klik pada kotak Fill atau Stroke di control panel atau dalam tool panel.
- Pastikan kita pilih ikon **formatting affects container**.
- Dan pilih warna yang dikehendaki.



Pilihan warna Fill dan Stroke di control panel



Pilihan warna Fill dan Stroke di tool panel

Tekan **J** untuk tukar antara container dengan teks.

### Setting warna untuk teks

- Select frame teks (atau objek).
- Klik pada kotak Fill atau Stroke di control panel atau dalam tool panel.
- Pastikan kita pilih ikon **formatting affects teks**.
- Dan pilih warna yang dikehendaki.

## Warna: Swatches


Default warna dalam swatches Indesign adalah terhad. Ini adalah disebabkan secara lazimnya, kerja dalam Indesign memerlukan konsistensi warna. Jadi, kita tidak akan selalu melakukan 'pick warna' sesuka hati pada bila-bila masa.

Satu skema warna atau palet warna perlu dirancang dan ditetapkan sebelum memulakan kerja layout dalam Indesign.

### Rancang Skema Warna

- Biasanya dibuat dalam Illustrator (atau Photoshop).
- Pick dalam Indesign dan save ke swatches.
- Guna Adobe Color dan save warna.


### Pick dan Save to Swatches



- Klik pada kotak warna **Fill** atau **Stroke**.
- Pilih warna atau masukkan kod warna yang dikehendaki.
- Tekan butang **Add to CMYK Swatch**.
- Warna tersebut akan tersenarai dalam panel Swatches.



Panel Kuler untuk CS6




Paparan Edit theme

### Guna Adobe Kuler (Atau Adobe Color)

- Klik menu **Window > Extensions > Kuler**.
- Pilih dari senarai warna yang dipaparkan, atau search keyword warna.
- Terdapat dua pilihan action:
  - » Edit theme in Create panel, dan
  - » Add selected theme to swatches.

## Text dan Effects

Effects seperti **Drop Shadow**, **Glow**, atau **Feather** boleh diaplikasikan kepada frame teks dengan membuka panel **Effects** atau klik ikon **fx** dalam panel **Control**.



### Perhatian:

Effects tidak boleh diapli jika anda select teks kerana effects akan diapli hanya kepada frame teks.



Select frame teks dan pilih effect yang diinginkan. Kemudian masukkan nilai setting mengikut kehendak selera rekabentuk masing-masing. Awas! Effect yang keterlaluan akan mengganggu pembacaan teks dan menyebabkan maklumat tidak sampai dengan lancar.

# Memasukkan Object

## KAEDAH COPY DAN PASTE

Kaedah ini adalah yang paling mudah iaitu dengan menggunakan arahan copy dan seterusnya paste. Copy foto daripada mana-mana perisian seperti Photoshop dan kemudian, pastekan di dalam InDesign. Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak begitu efisien untuk kerja-kerja penerbitan. Ini adalah kerana foto yang dipaste tidak dilinkkan kepada fail foto asal. Sekiranya terdapat perubahan kepada foto tersebut, InDesign tidak dapat mengemaskinikan foto tersebut. Juga, foto yang dipaste secara terus akan mengakibatkan fail dokumen InDesign menjadi berat kerana fail foto tersebut telah di'embed' sepenuhnya ke dalam InDesign.

## KAEDAH PLACE

Kaedah ini menggunakan menu Place atau Ctrl + D. Klik pada menu File > Place atau tekan Ctrl + D dan browse foto pilihan untuk dimasukkan ke dalam InDesign. Klik Open. Lihat kursor. Foto yang dipilih tadi sedang 'melekat' bersama dengan kursor. Untuk meletakkan foto tersebut kita boleh laku dua cara:


1. Klik sekali di atas halaman di dalam dokumen.
2. Klik dan drag seperti membuat pilihan (selection).

## KAEDAH PLACE DENGAN PLACEHOLDER


Placeholder ialah kotak-kotak frame yang disusun terlebih awal sebelum memasukkan elemen lain seperti foto atau teks. Gunakan Frame Tool – Rectangle, Ellipse atau Polygon untuk membuat placeholder.

Pilih Rectangle Frame Tool dan buat satu kotak di dalam halaman. Kotak frame tersebut akan aktif, biarkan begitu. Jika tidak aktif, gunakan Selection dan klik sekali di atas kotak frame tersebut.


Kemudian, klik menu File > Place dan pilih foto. Klik Open. Foto yang dipilih akan terus masuk ke dalam kotak frame tadi. Walau bagaimanapun, foto tersebut tidak mengikut saiz placeholder. Kita akan betulkan saiz foto di dalam topik yang akan datang.



## Memasukkan Object



Kita juga boleh memasukkan beberapa foto sekaligus ke dalam halaman. Terlebih dahulu, sediakan beberapa placeholder seperti yang ditunjukkan di dalam imej di atas.




Kemudian, klik menu File > Place dan pilih beberapa foto mengikut bilangan placeholder yang telah dibuat. Untuk contoh ini, kita pilih tiga foto. Klik Open.

Lihat kursor. Terdapat imej foto pada kursor dan juga 'nombor' mengikut bilangan foto yang dipilih tadi.


Untuk memasukkan foto ke dalam placeholder, klik kursor di atas setiap kotak frame. Setiap klik akan memasukkan foto ke dalam kotak frame. Jika foto tidak masuk ke dalam kotak frame, Undo dan ulang semula.

## Tips: Place Multiple Images in Grids




Memasukkan beberapa imej atau gambar dalam layout dalam format grid boleh dilakukan dengan langkah-langkah di bawah:

- Klik menu **File > Place**.
- Pilih beberapa fail imej yang dikehendaki.
- Ambil perhatian: Bilangan imej yang dipilih akan dipaparkan pada kursor.




- Klik dan drag di atas layout. Jangan lepaskan mouse.
- Sambil drag, **tekan arrow key** di keyboard:  
Arrow key 'atas / bawah': tambah / buang "row"  
Arrow key 'kanan / kiri': tambah / buang "column"



- Apabila bilangan row dan column mencukupi, sesuai dengan bilangan imej yang dipilih, lepaskan mouse.
- Kesemua imej akan tersusun secara automatik ke dalam grid.
- Gunakan setting **Fill Frame Proportionally** untuk memuatkan imej ke dalam size kotak grid.


## Object Fitting

Foto-foto yang dimasukkan ke dalam kotak frame (placeholder) biasanya tidak tepat saiz dan kedudukannya. Cara paling mudah untuk membetulkan isu ini ialah dengan menggunakan fungsi 'Object Fitting'. Lihat imej di bawah yang menunjukkan hasil foto selepas proses Place.



Select kesemua kotak frame dengan menggunakan Selection Tool (Arrow Hitam). Kemudian, klik menu **Object > Fitting > Fill Frame Proportionally** atau **klik kanan pada selection dan pilih Fitting > Fill Frame Proportionally**.

Hasilnya adalah seperti uana dipaparkan di dalam imei berikut.



# Transform

## TRANSFORM - LARASKAN SAIZ FOTO

Untuk melaraskan atau mengubah saiz foto yang telah dimasukkan, kita boleh menggunakan **Selection Tool**, **Direct Selection Tool** atau **Transform Tool**. Kita perlu memahami dua perkara sebelum melakukan proses transform iaitu:

1. Selection Frame, dan
2. Selection Foto.


Pilih Selection Tool dan klik pada kotak frame foto. Kotak frame tersebut akan dihighlightkan dengan kotak transform berwarna biru. Lihat imej di bawah.

\*Visual selection + transform box.

Selection dengan kotak transform berwarna biru ini menandakan kita telah memilih Frame. Jika kita mengubah saiz kotak frame ini sekarang, hanya saiz frame yang berubah manakala foto di dalam frame tersebut kekal saiznya. Lihat imej di sebelah.

Untuk mengubah kotak frame bersama dengan foto di dalamnya sekaligus, **tekan 'Ctrl' di keyboard semasa mengubah saiz kotak frame**. Atau, tukar kepada **Transform Tool** dan buat perubahan saiz. Kedua-dua kotak frame dan foto akan berubah saiznya.

Amalkan menekan '**Shift**' di keyboard semasa melakukan transformation.



## Transform



Sekiranya, kita lalukan cursor di tengah-tengah kotak frame, satu **penanda bulat transparan** akan muncul. Semasa bulatan transparan tersebut muncul, klik sekali di atasnya. Satu **kotak tranform berwarna perang (coklat)** akan kelihatan dan saiznya tidak mengikut saiz kotak frame. Ini adalah pilihan ke atas foto yang berada di dalam kotak frame.



Kita boleh mengubah saiz dan mengubah kedudukan foto tanpa mengganggu saiz kotak frame.

# Kombinasi Teks & Imej: Text Wrap

## TEXT WRAP:

Text Wrap adalah di mana text boleh disetkan untuk mengelilingi sesuatu object. Untuk membuat text wrap,

klik Window > Text Wrap.





Wrap Around Bounding Box (Kiri). Wrap Around Object Shape (Kanan).

Terdapat lima setting text wrap iaitu:

- No text wrap
- Wrap around bounding box
- Wrap around object shape
- Jump object
- Jump to next column

1. Setkan **Gap** untuk menjarakkan teks dari objek atau imej.
2. Setkan **Contour Options** untuk imej yang ada **transparen** seperti PSD, PNG atau TIFF.




A. Both right and left sides  
B. Side towards spine  
C. Side away from spine

## Object: Corner Options

Sama seperti effects kepada teks, object atau imej juga boleh diaplikasikan effects seperti Drop Shadow, Glow dan Feather. Terdapat beberapa effects yang menarik dan agak berguna di dalam kerja-kerja rekabentuk layout. Lihat contoh-contoh di bawah.






### CORNER OPTIONS

Klik menu **Object > Corner Options**. Kita boleh setkan pilihan rekabentuk untuk sudut imej atau objek. Lihat imej di bawah.




# Object & Effects

## DIRECTIONAL & GRADIENT FEATHER




## Latihan Layout Muka Hadapan




Setkan halaman:

- Page size: A4
- Orientation: Portrait
- Columns: 3
- Gutter: 3 mm
- Margins: 10 mm



Setkan ruler guide:


- Letakkan **tiga ruler guide** pada kedudukan Y:
  - » 20 mm
  - » 60 mm
  - » 240 mm



Masukkan Masthead:


- Klik File > Browse in Bridge.
- Browse dalam folder Bahan Kursus > Latihan Cover Magazine.
- Pilih masthead yang ingin digunakan.
- Klik kanan dan pilih **Place > In Indesign**.

## Latihan Layout Muka Hadapan



Placekan masthead:

- Previu imej masthead dipaparkan pada kursor.
- **Klik dan drag** dari ruler guide yang pertama untuk placekan masthead tersebut. Lihat imej di sebelah.



Susunkan item untuk ruangan masthead:

- » Selling line
- » No Isu / Volume
- » Slogan (Jika ada)



Masukkan **Full Bleed Image**:


- Buat satu frame memenuhi bahagian bawah halaman.
- **Placekan** imej pilihan.
- Susunkan agar sesuai agar ada ruang yang cukup dan selesa untuk cover lines nanti.

## Latihan Layout Muka Hadapan



Masukkan **main cover line** dan **cover lines**:

- Masukkan teks **main cover line**. Biasanya ada kaitan dengan imej utama.
- **Saiz teks cover lines** hendaklah jelas, paling besar **dari teks cover lines** yang lain-lain.
- Susunkan juga nombor halaman.
- Kemudian, masukkan **teks untuk cover lines yang lain**. Pastikan saiznya lebih kecil dari main cover line.



Masukkan reka bentuk untuk **ruangan highlights** di bahagian bawah:

- Lukis kotak menggunakan **Rectangle Tool**.
- Select kotak tersebut dan klik menu **Object > Corner Options**.
- Setkan salah satu bucu dengan setting Bevel. Lihat imej di sebelah.



Lengkapkan bahagian ruangan highlights:

- Masukkan teks yang sesuai untuk diletakkan di bahagian bawah halaman.

## Latihan Layout: Contoh 1



# Bukan MUDAH Menjaga KUCING

Oleh: Mama Miau Miau

**O**luptas molorepedis et, ipsum rescien dendiore corem veni doluptate etur aut quibust es nobitae. Is dollaces-trum nonsequi simolentio. Undit lam es eumquat dem eaquibea alit optatur, qui qui re eum hil mo eossumquis eum volorio. Moluptatem quibus rem re quis aut faccus iliqui de num quid quidi offidient officasto int eum laut escitam, ut dolorioria consequae. Et earum re pratur, sediati.

Heni ditiam alitem quas nem quatum aut is essendu amuscus exe. Namenditarii officisci acitio eatest event labor aut qui blaborporei rem autem qui que ditium fugioes erfematur?

Sed ex eum rem et quo exerspe dem volupict-ae nobiti il ea nossume nit, tem reritatur?

Ed entis et, que iur? Mi, sant ad quam cumet, sament voluptam ut ut enti il iducis nestin-velest velit mi, el ilia dolorerum que prem vento inihit ipsuntissim invererum fugiam, vel-luptis explisit rempeliqua am qui conceputate estis vent.

Em antium se re poribus cum quibusda sapel illorem porporum, quoditate volupta sundi-gendi iditat inus accati voluptariae odi aut abo. Nequodistior rem re molar mi, ad erunt-istem qui quias aut vidus consequasit illent.

Xeratur autescil et as is sita conesequas ma dioruntia si nest, nossectemqui iumquatem aut es int aliqui cuptum ra quost, tem dolen-deliqui rehent doluptas ditat ommolor porrore volore omno id utem nonisedi gerimmet fugias simi, eles sum vido. Nem que sum facesedia qui cum quam quatemperam quam, nam ul-lest, cus nossum apematem nima qui odi dol-lupi delictur, si renet, omni custion cum ver-fero odis volor seces estece eos voloreidim netur, sit esti vel millectatur serecus doloratem esciis ipsam aute dolest vit que nihicatia a corepudi od est illt, si cuscia doluptis rescimu sandemqui dolorror adis conem haribus quo beritat incitatur?

Et eos moluptate nis di vernam dolor ab iniatquo et qui beavolo voluptate ped utate alibus, cullaborrii oboroestia vel maximo rpossimus ent most, tem sitatem poritat eos ducidunt quo eatecab onumqui se et inimpor-ro bea dolorro incotatas cupti re, cullabo. Orem quo quod mos ipienis aut quante nonse conse nis simolor molupta turenihit ute quia nis ex-pel magniatur, sum sitatibus event exeatum est placcae ma poribeatecte poritatur, san-tionsequo in rem hil ipsapiducia preni consei-os modis voluptat a quuntur, sam debitaquid estono consequam sunt officim animodi veniscimil eos eaquo illi dent hic tectatur autaspi citatur? Sundele niendienhit, sequisi nctores reribus quae voluptat occusdaero blabo. Ut apitatur adi am dicaborio ello odipis as escia prorer iuribus aut adi corentintem quias ium everfer natures inum nimpor re non estrumque cusdae. Itat placiume aceper-umque peribus ipsant alicias excea pernatur magnatur sundae nat etur alignam corecto blandese solum essuscium aceaqui dipsum-que venectostio etur rem. Anis destoratum, corem fuga. Iquasimi, quoditum doloriberum imolupt iuntioe rspere sequi beaquid esecto qui dolor sedi nonsentium que pero cus dia quis solenis experum dolupiet poreperibus et velibus am, am harciemim nobitatur simentium laborem porerum laccul eculliciae volorest faccusto omnis atur sit accus.

Ra quae ium la sus, quiae porum reped unt aliaspe et volum quam quid qui tet aligente net dolessit ut quis velescil etur? Opta dolen-dam quidipit, inctore si quiam, voluptatur?

**“ Lebih 45% kucing yang dibeli menjadi kucing terbiar di jalanan akibat penjaga tidak mampu menjaga. ”**

Modit omniere volore nos sit eaque conse pos ercil inveria doloriscur?


Adicis adigendella velibus.

Tem solorem facia velissimint, sit atio. Boroero ommosti di sanissi taturib erchillesto molore-rum dolorior reprep emam, commo doles restiatqui art erovit officil liquodit ut que esequi bere mollam fugiati ntore accepitem non reriscienti harum harchil es delesedis aut hictiorepuda enia autest, nestiant modtia soluptatur, nonsequid auter, quam et facerum ium delibusantia niendiandus et quam se prae estiore pratur re exerumet paria dit qui in consequa voluptaspe voluptat et, con nihil maximo et optat.

Quaerrovit eost fuga. Et asi volesequia expl


Sasaran: Hasil latihan layout dalaman

## Latihan Layout: Contoh 1




### Latihan halaman dalaman spread

- Pada halaman **spread** seperti di halaman 2-3, setkan **Margins & Columns**.
- Contoh setting:
  - » Top: 30mm
  - » Bottom: 25mm
  - » Inside 20mm
  - » Outside: 20mm
  - » Columns: 2
  - » Gutter: 5mm



Setkan kotak untuk warna latarbelakang:


- Guna **rectangle tool**, lukis satu kotak untuk setiap halaman.
- Kotak tersebut hendaklah **bersaiz penuh** (dan lebihkan sedikit untuk 'bleed').
- Setkan **warna fill** untuk kedua-duanya (tanpa warna stroke).



Settingkan susunan kandungan:


- Gunakan **rectangle frame tool**, lukiskan ruangan yang bakal diletakkan imej dan teks.
- Rancangkan susunan kandungan anda mengikut kreativiti persembahan layout.

## Latihan Layout: Contoh 1




Masukkan imej utama artikel:

- Select frame yang telah ditetapkan untuk imej utama.
- **Placekan** gambar ke dalam frame tersebut.
- Fitkan menggunakan **fill frame proportionally**.
- Applykan **effect > gradient feather** untuk memadamkan sedikit bahagian bawah imej.



Setkan warna latarbelakang agar konsisten dengan imej utama:


- **Select rectangle** latarbelakang.
- Pilih **eyedropper tool**.
- **Tekan dan tahan key alt** di keyboard, klik pada imej utama di bahagian warna yang dirasakan sesuai.
- Ulang sehingga mendapat warna yang paling sesuai.
- Lakukan juga untuk kotak kedua di **halaman sebelah**.



Setkan frame untuk teks:


- Select kesemua frame yang akan dimasukkan teks.
- Klik kanan dan pilih **Content > Text**.

# Latihan Layout: Contoh 1



Sambungkan frame teks (text thread):

- Klik pada kotak penyambung teks di bahagian bawah sudut kanan teks frame dan sambungkan ke frame seterusnya mengikut flow.
- Untuk nampakkan garisan flow, klik menu **View > Extras > Show Text Thread**.



Formatkan paragraph dan masukkan teks:

- Letakkan kursor dalam frame teks (double-click dalam frame teks).
- Dalam panel paragraph setkan:
  - » jenis font, saiz font, leading
  - » space after 5mm.
- Placekan teks jika sudah ada. Atau guna placeholder teks untuk letakkan teks sementara.



Teks tajuk utama:


- Gunakan type tool dan buat frame untuk teks tajuk utama.
- Untuk memudahkan susunan, **satu baris teks = satu teks frame**.
- Susunkan secara kreatif, menarik tetapi masih mudah dibaca.

## Latihan Layout: Contoh 1




Masukkan 'byline':

- Masukkan satu lagi **frame teks untuk 'byline'** iaitu untuk nama penulis artikel.



Masukkan teks 'quote' untuk teks highlights:

- Masukkan teks dalam frame teks.
- Setkan saiz teks yang lebih besar, bold dan berwarna lain.
- Masukkan lagi dua frame teks untuk **double quotation marks** (klik kanan > **Insert Special Character > Quotation Marks > Double Left/Right Quotation Marks**).




Setkan drop cap untuk paragraph pertama:


- Letakkan kursor dalam paragraph pertama.
- Buka **panel paragraph**.
- Setkan nilai untuk **Drop Cap**.
- Laraskan jarak drop cap pada panel **character > tracking**. Select dahulu huruf pertama yang didrop cap.



## Latihan Layout: Contoh 2




- Pada halaman **spread** seperti di halaman 2-3, setkan **Margins & Columns**.
- Contoh setting:
  - » Top: 30mm
  - » Bottom: 25mm
  - » Inside 20mm
  - » Outside: 20mm
  - » Columns: 3
  - » Gutter: 5mm



Settingkan susunan kandungan:

- Gunakan **rectangle frame tool**, lukiskan ruangan yang bakal diletakkan imej dan teks.



Ubah bentuk frame:

- Pilih Direct Selection Tool (arrow putih).
- Klik pada anchor di bucu frame yang berada di bawah sebelah kiri.
- Drag anchor tersebut merentasi halaman sebelah kiri.

Sambung masukkan teks dan imej seperti dalam Latihan 1.

## Master Page


Master adalah seperti background yang boleh diaplikasikan kepada banyak page sekaligus. Setiap objek yang diletakkan di dalam master akan muncul di dalam page yang diaplikasikan master. Master biasanya mengandungi objek-objek yang berulang seperti logo, nombor halaman, header dan footer.

Master boleh mengandungi layer. Perbezaan susunan layer di dalam page berbancing dengan layer di dalam master akan ditunjukkan di dalam latihan.

### Membuat Master:

1. Pilih **New Master** di menu panel Pages.
2. Setkan pilihan berikut, dan klik OK:
  - Untuk Prefix, taipkan prefix sebagai pengenalan kepada master. Anda boleh menaip sehingga empat karekter.
  - Untuk Name, taip satu nama untuk master spread.
  - Untuk Based On Master, pilih master spread yang dah ada untk dijadikan base kepada master yang baru, atau pilih None.
  - Untuk Number Of Pages, taip bilangan page yang anda inginkan di dalam master spread (maksima sepuluh).


### Master Daripada Page Atau Spread:



- Drag spread daripada Pages Section ke dalam Masters section.
- Select satu spread dan pilih Save As Master daripada menu panel Pages.


## Master Page

### Master Kepada Master:



- Master juga boleh diapply kepada master spread yang lain.
- Drag salah satu master spread ke atas master spread yang lain.

### Apply Master kepada Page atau Spread:




- Untuk apply master kepada satu page sahaja, drag icon master page ke atas icon page. Apabila sebuah segiempat hitam mengelilingi page, lepaskan mouse.
- Untuk apply master kepada spread, drag icon master page ke bahagian sudut icon spread. Apabila sebuah segiempat hitam mengelilingi keseluruhan spread, lepaskan mouse.

## Page Number

### Letak Page Number di dalam Master Page


Page number biasanya diletakkan di dalam master page. Ini kerana apabila master page diaplikasikan kepada page, page number akan dikemaskinikan secara automatik.



Kiri: Page number di dalam master page. Kanan: Page number di dalam page yang menggunakan master tersebut.


### Layer baru untuk Master

Untuk elakkan pertindihan kandungan dari master dengan kandungan di halaman.



Cara meletakkan page number:


- Double-click pada master page pilihan.
- Buat satu text frame dengan saiz yang sesuai - cukup muat untuk meletakkan page number dan teks yang paling panjang di dalamnya. Letakkan di lokasi pilihan anda.
- Di dalam text frame tersebut anda boleh taipkan perkataan seperti "Halaman" atau "Muka surat".
- Kemudian, klik **Type > Insert Special Character > Markers > Current Page Number**.
- Applykan master page kepada page yang diinginkan.




Inspirasi: Cara meletak page number

# Page Number


## TUKAR PAGE NUMBER STYLE:



- Klik **Layout > Numbering and Section Options**, dan pilih Style yang anda inginkan.



- Window ini juga membolehkan anda membuat Section.



- A. Section indicator icon shows start of section
- B. Page number is changed for new section
- C. Status bar displays document length

# Page Number

## Page Number Sambungan Di Halaman Lain

*discover flowers, formal arrangements of outdoor  
treasures of landscaping throughout Europe and  
s. In our Explorations at a Glance matrix on the  
gardens, you'll find notes on the features of each*



Anda mungkin biasa melihat "continued on page..." atau "bersambung di muka surat...". Sambungan dengan page number automatik boleh dilakukan dengan cara berikut:


1. Dengan menggunakan Type Tool, buat satu text frame baru yang akan diisi dengan ayat sambungan.
2. Dengan menggunakan **Selection Tool**, susunkan text frame tadi sehingga ianya **menyentuh atau bertindih** dengan text frame yang mengandungi perenggan yang akan bersambung di halaman lain nanti.
3. Dengan menggunakan Type Tool, taipkan perkataan seperti "**Continued on**".
4. Kemudian, klik Type > Insert Special Character > Marker, dan pilih salah satu:
  - » **Next Page Number**: untuk meletakkan page number frame yang seterusnya.
  - » **Previous Page Number**: untuk meletakkan page number frame asal.

## Paragraph Style: GREP Style


GREP adalah sebuah teknik carian pattern yang advanced. Anda boleh menggunakan GREP style untuk meletakkan character style kepada text mengikut GREP expression yang anda telah tetapkan. Sebagai contoh, anda ingin applykan sebuah character style kepada nombor telefon di dalam text.

### HIGHLIGHT TEKS TERTENTU DI DALAM PERENGGAN

Pernah lihat profil syarikat yang mana setiap nama syarikat di dalam perenggan dihighlightkan dengan warna dan format yang berbeza (selalunya mengikut warna korporat). Bayangkan kita terpaksa membuat formatting ini satu per satu. Lihat contoh di bawah:




## Paragraph Style: GREP Style



Formatting tersebut boleh dilakukan secara automatik dengan menggunakan GREP Style.

- Buat satu paragraph style atau edit paragraph style yang sedia ada.
- Pilih GREP Style dan klik pada button New GREP Style.
- Pada ruangan To Text taipkan perkataan yang ingin dihighlightkan di antara “\b”. “\b” adalah untuk boundary iaitu spesifikkan style kepada perkataan (atau beberapa perkataan) tersebut sahaja.




- Pada ruangan Apply Style, pilih Character Style (jika telah disetkan terlebih awal) atau pilih New Character Style untuk membuat style yang baru untuk setting ini.
- Beri nama Character Style yang sesuai. Kemudian, setkan formatting yang sesuai. Untuk contoh ini hanya Font Style: Bold dan Character Color sahaja yang disetkan. Klik OK.
- Selesaikan setting GREP Style dan lihat hasilnya pada perenggan teks.
- Jika kita menaip teks yang baru, ianya juga akan boleh dihighlightkan terus secara automatik.


## Object Style

Selain meletakkan style kepada text dan paragraph, style juga boleh digunakan ke atas object. Gunakan object style sekiranya terdapat style yang digunakan secara berulang ke atas object di dalam dokumen. Contohnya di dalam projek membuat buku - object style diaplikasikan kepada objek/imej/figure untuk mengekalkan konsistensi style pada seluruh buku.

Klik **Window > Object Styles** untuk membuka panel style.



## Mencetak Buletin / Majalah



Proses mencetak merupakan salah satu proses yang utama di dalam pengendalian InDesign. Untuk mencetak, klik **File > Print Booklet**.

Print booklet membolehkan kita mencetak dokumen seperti buletin atau majalah yang mempunyai **ciri halaman dengan gandaan empat**.

Semua pages pairing akan dibuat secara automatik oleh Indesign.

Setkan pada pilihan yang sepatutnya, dan klik Print.

### Package

Klik menu File > Package untuk mengumpulkan segala links, fonts dan dokumen ke dalam satu folder.


## Mencetak Dokumen

### Semak Dokumen Sebelum Cetak Menggunakan Preflight:

Preflight adalah terma standard untuk proses semakan kualiti sebelum cetakan atau sebelum menyerahkan dokumen kepada syarikat percetakan.

Klik **Window > Output > Preflight**.

Panel Preflight akan memaparkan error yang terdapat di dalam dokumen anda (sekiranya ada). Antara error biasa ialah missing files atau fonts, imej low-resolution, overset text, dan beberapa masalah yang lain.





- A. Selected error
- B. Click page number to view page item
- C. Info area offers suggestions for fixing the selected error
- D. Specify a page range to limit error checking

## PDF atau E-Book

Untuk menghasilkan dokumen di dalam format PDF atau anda ingin menerbitkan E-Book, buat sebuah dokumen dengan menggunakan InDesign dan kemudiannya export kepada format PDF.

Klik File > Export, dan pilih format Adobe PDF.

Kemudian, masukkan setting untuk PDF options yang sesuai mengikut keperluan.



Gunakan Preset High Quality Print untuk cetakan

**Dapatkan Banyak Lagi Tutorial Photoshop  
Di Laman Web**

**[www.sifoo.com](http://www.sifoo.com)**

**Follow Us!**

**Sifoo.com ~**

*Sumber Grafik & Multimedia Malaysia*

-  <http://www.sifoo.com>
-  <http://facebook.com/sifoodotcom>
-  <http://facebook.com/groups/sifoorian>
-  <http://instagram.com/sifoodotcom>
-  <http://twitter.com/sifoodotcom>